

BMF-MAHATHIR (LEAD)

(1)

KUALA LUMPUR, 11 MAC (BERNAMA) -- UMNO TIDAK ADA MENERIMA APA-APA SUMBANGAN DALAM APA JUGA BENTUK DARIPADA GEORGE TAN, PEGAWAI-PEGAWAI BMF ATAU SYARIKAT-SYARIKAT YANG ADA KAITAN DENGAN MEREKA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DALAM SEPUCUK SURAT KEPADA PENERUSI EKSEKUTIF BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BHD TAN SRI HAJI BASIR ISMAIL.

DALAM SURAT ITU, YANG DILAMPIRKAN BERSAMA KERTAS PUTIH MENGENAI SKANDAL PINJAMAN BMF DAN DIBENTANGKAN DI DEWAN RAKYAT HARI INI, PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BELIAU TIDAK ADA URUSAN APA-APA DENGAN GEORGE TAN, SELAKU PERDANA MENTERI, PEGAWAI UMNO ATAU DALAM SIFAT PERIBADINYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG NAMANYA ADA DISEBUT DALAM LAPORAN JAWATANKUASA PENYIASAST BMF, MEMBERITAHU TAN SRI HAJI BASIR BAHAWA MEMANGLAH SATU HAL YANG BIASA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN DAN EKSEKUTIF SYARIKAT MILIK KERAJAAN MENEMUINYA.

+SECARA RASMI ATAU TIDAK, MEREKA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA SAYA MENGENAI KERJA-KERJA DAN PROJEK YANG TERLETAK DI BAWAH TANGGUNGJAWAB MEREKA,+ UJAR BELIAU.

GABENOR BANK NEGARA KETIKA ITU TAN SRI ABDUL AZIZ TAHA, MENURUT JAWATANKUASA ITU, MENGADAKAN BEBERAPA PERTEMUAN DENGAN PERDANA MENTERI DAN MEMBERI TAKLIMAT KEPADA BELIAU MENGENAI KEADAAN ITU.

TAN SRI ABDUL AZIZ JUGA ADA MENULIS SURAT KEPADA PERDANA MENTERI PADA 2 APRIL 1983. - LAGI. (BERIKUTNYA SAMBUNGAN DENGAN LEMBARAN-LEMBARAN AWAL).

2110MST 11 03 86

D174

U BE769 AAB

BMF - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENURUT PERDANA MENTERI, BIASANYA TAKLIMAT-TAKLIMAT TERSEBUT ADALAH SECARA UMUM DAN ADA KALANYA BELIAU MEMBERI BEBERAPA ARAHAN KEPADA MEREKA TETAPI BELIAU TIDAK TERLIBAT DALAM PERLAKSANAAN SEBENARNYA SESUATU ARAHAN ITU.

MENGENAI KES BMF, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU PADA MULANYA MENGETAHUI PERKARA TERSEBUT APABILA DILAPORKAN OLEH AKHBAR.

+SELEPAS ITU SAYA DIBERI TAKLIMAT SECARA KASAR MENGENAI PERKARA INI OLEH PENERUSI BANK BUMIPUTRA DAN BANK NEGARA.

DALAM SALAH SATU DARIPADA TAKLIMAT ITU, PENERUSI BANK BUMIPUTRA MEMBERITAHU PERDANA MENTERI MENGENAI TINDAKAN-TINDAKAN BANK TERSEBUT UNTUK MENDAPAT SEMULA WANG SEBANYAK YANG MUNGKIN DARIPADA GEORGE TAN SENDIRI DAN SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN DENGANNYA DAN DARIPADA MEREKA YANG BERTANGGUNGJAWAB MELULUSKAN PINJAMAN-PINJAMAN TERSEBUT.

+SAYA BERSETUJU DENGAN TINDAKAN ITU. WALAU BAGAIMANAPUN, SAYA TIDAK DIBERITAHU MENGENAI BUTIR-BUTIR DAN TIDAK TERLIBAT DALAM APA CARA SEKALI PUN DALAM PELAKSANAAN TINDAKAN ITU,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI

0951MST 11 03 86

D175

U BE770 AAB
BMF - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENURUT PERDANA MENTERI ITU MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB PARA EKSEKUTIF BANK TERSEBUT.

+APA YANG DAPAT SAYA KATAKAN IALAH SAYA PERCAYA PIHAK PENGURUSAN BANK ITU TELAH BERTINDAK DEMI KEPENTINGAN BANK TERSEBUT DALAM USAHA-USAHA MEREKA MENDAPATKAN KEMBALI SEMUA WANG YANG MUNGKIN DIPEROLEHI OLEH MEREKA DENGAN MENGAMBILKIRA KEADAAN-KEADAAN YANG TERDAPAT DALAM KES INI.+

SEMENTARA ITU, DALAM SURATNYA KEPADA TAN SRI HAJI BASIR, TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM MENGAKUI BELIAU KENAL DR. RAIS SANIMAN YANG BEBERAPA KALI MENEMUINYA.

DATUK MUSA BERKATA DR. RAIS, ATAS SIFATNYA SEBAGAI PEGAWAI BANK BUMIPUTRA YANG BERTANGGUNGJAWAB ATAS PINJAMAN-PINJAMAN BERSEKUTU (SYNDICATED) BAGI PIHAK KERAJAAN MALAYSIA, TELAH BEBERAPA KALI BERJUMPA DENGANNYA.

PERJUMPAAN-PERJUMPAAN TERSEBUT, MENURUT DATUK MUSA, BAGI MEMBOLEHKAN DR. RAIS MEMBERI TAKLIMAT KEPADANYA SELAKU TIMBALAN PERDANA MENTERI ATAS PELBAGAI PERINGKAT KEMAJUAN PINJAMAN-PINJAMAN DARI LUAR NEGERI YANG SEDANG DIUSAHAKAN. -- LAGI
0953MST 11 03 86

D177

U BE771 AAB
BMF - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENURUT DATUK MUSA, DALAM SALAH SATU DARIPADA KUNJUNGANNYA ITU DR. RAIS MENYEBUT DAN CUBA MENGHURAIKAN HAL-HAL PERUSAHAAN/PERNIAGAAN PERIBADINYA DI HONG KONG.

TETAPI DATUK MUSA BERKATA DIA TELAH MENAHANNYA KERANA PERKARA ITU TIDAK ADA KAITAN LANGSUNG DENGAN TUGAS-TUGAS RASMI MEREKA.

MENTERI PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH MEMBERI JAWAPAN PANJANG LEBAR KEPADA SETIAUSAHA BANK BUMIPUTRA, SYED HAMID ALBAR BERHUBUNG DENGAN PEMBABITAN NAMANYA DALAM LAPORAN AKHIR JAWATANKUASA PENYIASAT ITU.

TENGGU RAZALEIGH MENYENTUHI PEMBELIAN BANGUNAN LAP SENG DAN GAMMON HOUSE, PINJAMAN BMFL KEPADA ASIAVEST DAN SHERIDAN, PEMBELIAN CEK PENGEMBARA DAN DAKWAAN MAK FOON THAN DALAM BICARA PEMBUNUHAN JALIL IBRAHIM.

YANG TURUT MEMBERI PENJELASAN MENGENAI LAPORAN AKHIR ITU IALAH MENTERI BESAR JOHOR DATUK ABDUL AJIB AHMAD YANG MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN NEGERI JOHOR DAN JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI TIDAK PERNAH MELANTIK SEBARANG AGEN ATAU SESIAPAPUN UNTUK BERTINDAK BAGI PIHAKNYA SERKENAAN DENGAN PROJEK PEMBANGUNAN BANDAR JOHOR BHARU (JOHOR BHARU CITY DEVELOPMENT).

-- BERNAMA
0958MST 11 03 86